

## HUBUNGAN ANTARA SIKAP PELAJAR UITM TERHADAP PEMBELAJARAN TATABAHASA ARAB DAN PEMAHAMAN KATA KERJA TRANSITIF-INTRANSITIF

*The relationship between UITM students' attitudes towards learning arabic grammar and their understanding of transitive and intransitive verbs*

\*Mohamad Rofian Ismail<sup>1</sup>, Azman Che Mat<sup>1</sup>, Aiman Hakim Azemaizan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi Mara Cawangan Terengganu  
Kampus Dungun (UiTMCT), Sura Hujung,  
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia.

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi Mara Shah Alam (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [mohdrofian@uitm.edu.my](mailto:mohdrofian@uitm.edu.my)

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
24-Sep-2025	01-Nov-2025	01-Jan-2026	30-Jun-2026

### Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar terhadap pembelajaran tatabahasa Arab dengan tahap pemahaman mereka terhadap kata kerja transitif dan intransitif, satu aspek linguistik yang jarang dikaji secara empirikal. Reka bentuk kuantitatif deskriptif korelasi digunakan dengan melibatkan keseluruhan populasi seramai 83 orang pelajar tahun akhir kursus bahasa Arab di UiTM yang dipilih melalui kaedah pensampelan konsensus, memandangkan saiz populasi yang kecil dan mudah dikenal pasti. Instrumen kajian berbentuk soal selidik berstruktur merangkumi empat bahagian: maklumat demografi, tahap penggunaan kata kerja, tahap pemahaman tatabahasa, dan sikap terhadap pembelajaran tatabahasa Arab. Nilai Cronbach's Alpha keseluruhan (0.89) menunjukkan tahap kebolehpercayaan instrumen yang tinggi. Analisis statistik deskriptif menunjukkan tahap sikap pelajar adalah tinggi ( $M = 4.22$ ,  $SP = 0.67$ ) dan tahap pemahaman tatabahasa juga tinggi ( $M = 3.81$ ,  $SP = 0.81$ ). Analisis korelasi Pearson mendapati hubungan signifikan sederhana-kuat antara sikap dan pemahaman tatabahasa ( $r = 0.66$ ,  $p < 0.001$ ). Kajian ini menonjol dari segi novelty kerana ia memfokuskan hubungan psikologi pelajar dengan pencapaian tatabahasa Arab secara spesifik, selain mengaplikasikan pendekatan kuantitatif yang jarang digunakan dalam konteks Melayu-Islam. Implikasi kajian mencadangkan strategi pedagogi yang lebih interaktif dan berbantuan teknologi bagi meningkatkan sikap positif pelajar terhadap tatabahasa. Penyelidikan masa depan disarankan menilai faktor peramal lain seperti kebimbangan bahasa, strategi pembelajaran, dan pengaruh teknologi terhadap pencapaian tatabahasa Arab.

**Kata kunci:** Sikap pelajar, tatabahasa Arab, kata kerja transitif dan intransitif, pensampelan konsensus, pembelajaran bahasa kedua

### Abstract

*This study aims to identify the relationship between students' attitudes towards learning Arabic grammar and their level of understanding of transitive and intransitive verbs, a linguistic aspect rarely investigated empirically. A descriptive correlational quantitative design was employed, involving the entire population of 83 final-year Arabic language students at UiTM, selected through consensus sampling due to the small and easily identifiable population size. The structured*

*questionnaire instrument comprised four sections: demographic information, verb usage level, grammar comprehension, and attitudes towards learning Arabic grammar. The overall Cronbach's Alpha value (0.89) indicated a high level of instrument reliability. Descriptive statistical analysis showed that students' attitudes were high ( $M = 4.22$ ,  $SD = 0.67$ ), and grammar comprehension was also high ( $M = 3.81$ ,  $SD = 0.81$ ). Pearson's correlation analysis revealed a moderately strong significant relationship between attitudes and grammar comprehension ( $r = 0.66$ ,  $p < 0.001$ ). The study highlights its novelty by focusing on the psychological dimension of students in relation to Arabic grammar achievement, while applying a quantitative approach rarely employed in the Malay-Muslim context. The implications suggest more interactive and technology-assisted pedagogical strategies to enhance students' positive attitudes towards grammar. Future research is recommended to examine other predictive factors such as language anxiety, learning strategies, and the impact of technology on Arabic grammar achievement.*

**Keywords:** *Students' attitudes, Arabic grammar, transitive and intransitive verbs, consensus sampling, second language learning*

## 1.0 PENGENALAN

Pembelajaran bahasa kedua (L2) atau bahasa asing telah lama diiktiraf sebagai satu bidang yang kompleks, melibatkan gabungan aspek linguistik, kognitif, afektif, dan sosial. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, cabaran yang dihadapi pelajar bukan sahaja berkaitan dengan penguasaan kosa kata dan kemahiran komunikasi, tetapi juga pengetahuan mendalam tentang tatabahasa, yang menjadi asas kepada kefasihan dan ketepatan berbahasa. Antara elemen penting dalam tatabahasa Arab ialah pemahaman tentang kata kerja transitif dan intransitif, iaitu struktur asas yang menentukan hubungan antara subjek, predikat, dan objek dalam ayat. Penguasaan dua kategori kata kerja ini adalah kritikal kerana ia memberi kesan langsung kepada ketepatan sintaksis dan pemahaman makna.

Pengajaran bahasa Arab di peringkat universiti telah lama menjadi tumpuan penyelidikan, namun majoriti kajian terdahulu lebih menekankan aspek pedagogi, kesukaran pelajar dalam kemahiran bertutur dan menulis, serta pencapaian umum dalam kursus bahasa. Sebagai contoh, kajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mendedahkan bahawa penguasaan tatabahasa yang rendah dan penggunaan kaedah pengajaran tradisional menjadi faktor utama yang menghalang pelajar menguasai komunikasi lisan secara efektif (Mansor et al., 2023). Penyelidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) turut melaporkan cabaran besar yang dihadapi pelajar, termasuk kekangan kosa kata, kesukaran mengekalkan perbualan, dan tahap kebimbangan tinggi ketika bertutur (Husain & Abdullah, 2022). Dalam konteks Malaysia secara umum, pengajaran bahasa Arab sering dikritik kerana terlalu menekankan hafalan dan kurang berinovasi, yang menyebabkan pelajar lemah dalam asas tatabahasa, pertuturan, dan penulisan (Aladdin, 2016).

Walaupun banyak kajian membincangkan kesukaran komunikasi dan keberkesanan pedagogi, penyelidikan yang meneliti secara spesifik penguasaan struktur linguistik teras seperti kata kerja transitif dan intransitif masih sangat terhad. Kelemahan ini memberi gambaran bahawa penyelidikan tatabahasa Arab belum diberikan perhatian yang sama seperti kajian kemahiran bahasa lain. Lebih penting lagi, peranan faktor psikologi seperti sikap pelajar terhadap tatabahasa sering diabaikan walaupun kajian pembelajaran bahasa kedua sejak lama telah menegaskan pengaruh faktor afektif dalam pencapaian bahasa (Gardner et al., 2004). Model Sosioedukasi Gardner secara khusus menegaskan bahawa sikap positif

terhadap bahasa sasaran memacu motivasi integratif dan pencapaian akademik, menjadikan faktor psikologi satu dimensi penting dalam pembelajaran bahasa.

Kajian lepas dalam pembelajaran L2 mendapati bahawa pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap bahasa sasaran cenderung mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi, keyakinan diri yang lebih kukuh, dan pencapaian akademik yang lebih baik (Pyun, 2013; Wang et al., 2024). Konsep Foreign Language Enjoyment (FLE) semakin mendapat perhatian kerana ia berkait rapat dengan penglibatan pelajar dan prestasi bahasa, manakala Foreign Language Boredom (FLB) dan Foreign Language Classroom Anxiety (FLCA) terbukti menghalang kemajuan (Zhao & Wang, 2025). Faktor emosi positif seperti keseronokan dan rasa ingin tahu mendorong pelajar untuk mengambil risiko dalam komunikasi bahasa kedua, yang seterusnya memperkukuh kemahiran tatabahasa mereka.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, terdapat jurang ketara dalam literatur yang mengkaji hubungan langsung antara sikap pelajar dan pemahaman mereka tentang konsep tatabahasa yang kompleks seperti kata kerja transitif dan intransitif. Sebahagian besar kajian lebih tertumpu kepada kemahiran komunikasi, keberkesanan pendekatan pengajaran, atau pencapaian umum dalam peperiksaan. Kajian tentang tatabahasa pula biasanya menekankan analisis linguistik dan kontrastif (Mustafa et al., 2020), tetapi kurang memberi tumpuan kepada bagaimana faktor psikologi pelajar mempengaruhi pencapaian mereka dalam topik tatabahasa. Hal ini wajar diberi perhatian kerana sikap pelajar boleh menjadi pemacu atau penghalang kepada kejayaan penguasaan struktur bahasa, terutamanya dalam bahasa yang mempunyai sistem morfologi dan sintaksis yang kompleks seperti bahasa Arab.

Selain itu, pendekatan pengajaran tatabahasa di Malaysia dan negara lain sering kali memisahkan komponen afektif daripada komponen kognitif. Penyelidikan tentang faktor motivasi dan sikap lebih banyak dikaji dalam konteks pembelajaran bahasa Inggeris (Zulkefly & Razali, 2019) berbanding bahasa Arab. Kajian ini cuba mengisi jurang tersebut dengan meneliti hubungan antara sikap pelajar terhadap pembelajaran tatabahasa Arab dengan tahap pemahaman mereka tentang kata kerja transitif dan intransitif, berdasarkan data empirikal yang dikumpul di UiTM.

Kajian ini juga memberi sumbangan baharu (novelty) kerana:

- a) Ia mengkaji hubungan antara sikap dan pemahaman tatabahasa Arab, satu bidang yang jarang diteroka secara kuantitatif.
- b) Ia memberi fokus pada struktur linguistik spesifik (kata kerja transitif dan intransitif), berbeza dengan kajian terdahulu yang banyak menumpukan kemahiran umum.
- c) Ia dijalankan dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, memberikan perspektif unik tentang faktor psikologi dan budaya dalam pembelajaran bahasa Arab.

Dengan mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar dan pemahaman tatabahasa, kajian ini dapat membantu pensyarah merancang pendekatan pengajaran yang lebih efektif, mengambil kira bukan sahaja keperluan kognitif tetapi juga keperluan afektif pelajar. Dapatan ini diharapkan dapat memperkukuh literatur sedia ada dan menjadi asas bagi kajian lanjut, seperti membangunkan model ramalan pencapaian tatabahasa Arab berasaskan faktor sikap dan motivasi pelajar.

## 2.0 SOROTAN LITERATUR KAJIAN

Bahagian ini membincangkan asas teori dan kajian lepas yang berkaitan dengan faktor afektif dan kognitif dalam pembelajaran bahasa kedua, khususnya bahasa Arab. Sorotan ini memberi tumpuan kepada motivasi dan sikap pelajar sebagai pemacu utama kejayaan pembelajaran, peranan motivasi integratif dan instrumental, serta sumbangan faktor kognitif dalam penguasaan tatabahasa. Selain itu, perbincangan turut meninjau penggunaan teknologi dan gamifikasi dalam pengajaran bahasa serta pengaruh budaya dan konteks pendidikan terhadap persepsi pelajar. Penilaian menyeluruh ini penting untuk mengenal pasti jurang penyelidikan sedia ada dan menegaskan nilai novelty kajian, iaitu hubungan antara sikap pelajar dengan pemahaman kata kerja transitif dan intransitif bahasa Arab, aspek yang masih kurang diberi perhatian secara empirikal dalam konteks universiti di Malaysia.

### 2.1 Motivasi dan Sikap Pelajar dalam Pemerolehan Bahasa Kedua

Motivasi dan sikap telah lama diiktiraf sebagai faktor penentu kejayaan dalam pembelajaran bahasa kedua (Second Language Acquisition, SLA). Penyelidikan awal oleh Gardner (1985) dan Dörnyei (1994, 2005) meletakkan motivasi sebagai elemen asas dalam Model Sosioedukasi, yang menghubungkan sikap terhadap bahasa sasaran, motivasi integratif, dan pencapaian pelajar. Oxford dan Shearin (1994) menekankan bahawa motivasi adalah pemacu utama pemerolehan bahasa, sementara Ryan dan Deci (2000) membedakan antara motivasi intrinsik (dorongan dalaman untuk belajar kerana minat) dan motivasi ekstrinsik (dorongan luaran seperti pencapaian akademik atau kerjaya).

Dalam konteks kelas bahasa, motivasi bukan sahaja mempengaruhi tahap usaha pelajar tetapi juga tahap ketahanan mereka terhadap cabaran pembelajaran. Dörnyei (2005) melalui konsep L2 Motivational Self System memperkenalkan kerangka pemahaman motivasi yang merangkumi gambaran sendiri pelajar sebagai pengguna bahasa sasaran, jangkaan sosial, dan pengalaman pembelajaran. Kajian ini relevan untuk bahasa Arab kerana banyak pelajar memilih bahasa ini berdasarkan identiti agama dan budaya, selain faktor akademik.

### 2.2 Motivasi Integratif vs. Instrumental

Motivasi dalam pembelajaran bahasa sering dikategorikan kepada dua jenis: integratif dan instrumental (Gardner & Lambert, 1972). Motivasi integratif merujuk kepada keinginan pelajar untuk menyertai komuniti bahasa sasaran, memahami budaya, atau menjalin hubungan sosial, manakala motivasi instrumental berfokus pada kelebihan praktikal seperti peluang kerjaya atau pencapaian akademik.

Kajian terkini menunjukkan bahawa motivasi integratif mempunyai kesan yang lebih kuat dalam pembelajaran jangka panjang, khususnya dalam konteks bahasa Arab yang sering dikaitkan dengan nilai agama dan identiti budaya. Penyelidikan di Arab Saudi, misalnya, mendapati bahawa pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua dipacu oleh keinginan untuk menghayati budaya Islam, memahami teks agama, dan memperkukuh hubungan sosial (Oxford & Shearin, 1994). Di Nigeria, walaupun pelajar menunjukkan sikap positif terhadap bahasa Arab, motivasi instrumental mereka adalah rendah kerana peluang ekonomi berkaitan bahasa Arab yang terhad (Mustafa et al., 2020).

Dalam konteks Malaysia, bahasa Arab sering dikaitkan dengan pembelajaran agama dan pengajian Islam. Hal ini menonjolkan kepentingan motivasi integratif

kerana pelajar melihat penguasaan bahasa Arab sebagai jalan untuk mengakses sumber keilmuan Islam dan membina identiti keagamaan (Baharum & Samah, 2015).

### **2.3 Faktor Kognitif dalam Pemerolehan Tatabahasa**

Selain faktor afektif, kajian SLA menunjukkan bahawa faktor kognitif seperti kapasiti memori kerja, perkembangan kognitif, dan kemahiran metalinguistik memainkan peranan penting dalam penguasaan tatabahasa (Ellis, 2015). Bahasa Arab, dengan sistem morfologi akar dan pola, serta struktur sintaksis yang kompleks, memerlukan tahap pemprosesan kognitif yang lebih tinggi berbanding bahasa-bahasa Indo-Eropah.

Kajian Piaget (1983) menekankan bahawa perkembangan kognitif individu mempengaruhi keupayaan mereka untuk memahami konsep abstrak, termasuk struktur tatabahasa. Dalam pembelajaran bahasa Arab, pemahaman kata kerja transitif dan intransitif memerlukan pemikiran analitik kerana pelajar perlu mengenal pasti hubungan sintaktis dan semantik dalam ayat. Penyelidikan linguistik menunjukkan bahawa kemahiran ini berkembang secara berperingkat dan dipengaruhi oleh latar belakang bahasa pertama (Mustafa et al., 2020).

### **2.4 Pemahaman Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPT Tanpa Asas**

Satu cabaran utama dalam pemerolehan bahasa Arab di kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) yang bermula tanpa asas ialah kefahaman tatabahasa Arab secara mendalam. Kajian oleh Tallas-Mahajna et al. (2023) mendapati bahawa sistem verbal Arab mengandungi "pola" morfo-semantik yang berbeza, termasuk perbezaan dalam transitiviti (transitive) dan intransitiviti (intransitive) yang dipengaruhi oleh struktur morfologi

Dalam konteks pembelajaran, kekompleksan morfologi ini menyukarkan pelajar tanpa latar asas, sebab mereka perlu mengenali bukan sahaja akar konsonan tetapi juga imbuhan (affix) yang mengubah transitiviti kata kerja, yang kemudian menjejaskan pemahaman struktur ayat dan makna. Oleh itu, strategi pengajaran yang menjelaskan pola-pola ini secara eksplisit (misalnya melalui pendedahan berperingkat) adalah penting agar pelajar dapat membina asas tatabahasa yang kukuh.

### **2.5 Teknologi dan Gamifikasi dalam Pembelajaran Tatabahasa**

Penggunaan teknologi dalam pendidikan bahasa telah membawa perubahan besar dalam cara tatabahasa diajar dan dipelajari. Kajian di Vietnam menunjukkan bahawa penggunaan platform gamifikasi seperti Quizizz meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran tatabahasa (Nguyen et al., 2022). Kaedah ini menggabungkan elemen permainan seperti markah, papan kedudukan, dan ganjaran untuk menarik minat pelajar, menjadikan pembelajaran tatabahasa lebih interaktif.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, teknologi boleh berfungsi sebagai alat tambahan untuk memperkukuh pemahaman konsep tatabahasa yang kompleks. Almufareh (2021) menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi pembelajaran seperti Duolingo meningkatkan pencapaian pelajar dalam kemahiran membaca, tatabahasa, dan perbendaharaan kata. Keputusan ini menunjukkan bahawa integrasi teknologi dalam kurikulum bahasa Arab dapat meningkatkan motivasi pelajar serta keberkesanan pembelajaran.

## 2.6 Faktor budaya dalam konteks pendidikan

Kajian rentas budaya memberi perspektif yang lebih luas tentang peranan sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa. Penyelidikan di Sepanyol mendapati bahawa faktor profesional dan sosial memberi kesan besar terhadap sikap positif pelajar terhadap bahasa Inggeris, terutamanya dalam kalangan pelajar dwibahasa (Martínez et al., 2013). Di China, pelajar minoriti etnik yang mempelajari bahasa Inggeris dipengaruhi oleh tekanan peperiksaan, gaya pengajaran guru, dan sikap rakan sebaya, yang kesemuanya membentuk motivasi dan strategi pembelajaran mereka (Zhao & Wang, 2025).

Perbandingan ini relevan dalam konteks Malaysia kerana sistem pendidikan yang berbilang bahasa turut mempengaruhi persepsi pelajar terhadap bahasa Arab. Faktor budaya dan latar belakang agama memberikan dimensi tambahan dalam memahami motivasi integratif, yang menjadikan bahasa Arab bukan sekadar alat komunikasi tetapi juga simbol identiti.

## 2.7 Jurang penyelidikan dan nilai novelty

Sorotan literatur yang dibentangkan menunjukkan terdapat beberapa jurang penting yang masih wujud dalam bidang kajian pembelajaran bahasa Arab. Pertama, sebahagian besar kajian terdahulu tentang motivasi dan sikap pelajar lebih menekankan aspek kemahiran komunikasi seperti kefasihan dan pertuturan, sedangkan kajian yang memfokuskan kepada tatabahasa Arab masih kurang mendapat perhatian. Kedua, walaupun bahasa Arab diajar secara meluas di institusi pengajian tinggi di Malaysia, kajian empirikal yang bersifat kuantitatif bagi menghubungkan sikap pelajar dengan pencapaian dalam tatabahasa di peringkat universiti masih sangat terhad. Ketiga, meskipun penggunaan teknologi dan gamifikasi telah terbukti berkesan dalam meningkatkan penguasaan tatabahasa dalam konteks bahasa lain, namun integrasinya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih kurang diterokai.

Berdasarkan jurang tersebut, artikel ini memberikan sumbangan baharu (novelty) dengan menyajikan bukti empirikal tentang hubungan antara sikap pelajar dan tahap pemahaman mereka terhadap kata kerja transitif dan intransitif bahasa Arab, iaitu aspek linguistik yang jarang dianalisis secara mendalam. Dari sudut pedagogi, artikel ini menawarkan perspektif yang lebih menyeluruh dengan menggabungkan faktor afektif seperti motivasi dan sikap bersama faktor kognitif yang mempengaruhi pemerolehan tatabahasa. Di samping itu, dapatan kajian ini dapat dijadikan asas untuk membangunkan model pengajaran tatabahasa yang lebih berkesan, berorientasikan motivasi pelajar serta diperkaya dengan teknologi pendidikan. Secara tidak langsung, sumbangan ini berpotensi menyokong pembentukan polisi dan strategi pengajaran bahasa Arab yang lebih responsif terhadap keperluan semasa pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian metodologi ini bertujuan untuk menerangkan pendekatan, reka bentuk, populasi, instrumen, prosedur pengumpulan data, serta kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini bagi menilai motivasi dan strategi sendiri pelajar UITM dalam penguasaan bahasa Arab. Pemilihan metodologi yang sesuai amat penting untuk memastikan data yang dikumpul adalah sahih, boleh dipercayai, dan mencerminkan fenomena sebenar dalam kalangan populasi sasaran.

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif korelasi untuk mengkaji hubungan antara sikap pelajar terhadap pembelajaran tatabahasa Arab dan tahap pemahaman mereka terhadap kata kerja transitif dan intransitif. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia sesuai untuk mengukur pemboleh ubah secara objektif dan membolehkan analisis statistik inferensi dilakukan (Creswell, 2016). Reka bentuk korelasi membolehkan penyelidik mengenal pasti kekuatan dan arah hubungan antara dua pemboleh ubah tanpa memanipulasi sebarang faktor (Creswell, 2012). Penyelidikan ini tidak hanya bertujuan untuk menggambarkan tahap sikap dan pemahaman pelajar, tetapi juga untuk memberikan bukti empirikal tentang kaitan di antara kedua-duanya, sekali gus mengisi jurang dalam literatur sedia ada.

### 3.2 Populasi Kajian

Populasi kajian merangkumi pelajar kursus bahasa Arab (kod kursus: 242LG) yang ditawarkan di peringkat tahun empat di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia. Kursus ini wajib bagi pelajar yang mengambil bidang pengajian Islam, bahasa, dan pendidikan, dan menekankan kemahiran membaca, kefahaman teks, dan tatabahasa Arab lanjutan. Pemilihan UiTM sebagai lokasi kajian adalah signifikan kerana universiti ini mempunyai populasi pelajar yang pelbagai dari segi latar belakang sosioekonomi, etnik, dan tahap pencapaian bahasa Arab. Hal ini memberi peluang untuk mendapatkan data yang mewakili konteks pendidikan tinggi Malaysia secara umum.

### 3.3 Pensampelan dan Saiz Sampel

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan konsensus kerana saiz populasi sasaran adalah kecil dan mudah dikenal pasti. Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar tahun akhir yang mengikuti kursus bahasa Arab (kod kursus: 242LG) di UiTM pada semester kajian dijalankan. Keseluruhan 83 orang pelajar dijadikan responden tanpa pengecualian bagi memastikan kajian ini mewakili populasi sasaran secara menyeluruh. Pendekatan ini membolehkan hasil kajian menggambarkan keadaan sebenar populasi tanpa keperluan inferensi daripada sampel kecil.

### 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian berbentuk soal selidik berstruktur yang dibina berdasarkan kajian literatur dan disemak oleh pakar dalam bidang pengajaran bahasa Arab. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian:

#### 1. *Bahagian A: Demografi Responden*

- a) Jantina, umur, pengalaman pembelajaran bahasa Arab (tahun), dan penyertaan dalam kursus tambahan.
- b) Maklumat ini digunakan untuk mengenal pasti latar belakang pelajar dan memeriksa pemboleh ubah demografi.

#### 2. *Bahagian B: Tahap Penggunaan Kata Kerja Transitif dan Intransitif*

- a) 5 item menggunakan skala Likert lima mata untuk menilai sejauh mana pelajar menggunakan kata kerja ini dalam komunikasi dan penulisan.

### **3. Bahagian C: Tahap Pemahaman Tatabahasa**

- a) 5 item untuk mengukur tahap pemahaman konsep asas kata kerja transitif dan intransitif, termasuk keupayaan memberi contoh dan mengenal pasti struktur ayat.

### **4. Bahagian D: Sikap terhadap Pembelajaran Tatabahasa Arab**

- a) 5 item untuk menilai persepsi pelajar terhadap kepentingan tatabahasa, keyakinan diri, dan keberkesanan pendekatan pengajaran.
- b) Setiap item menggunakan Skala Likert lima mata:
- c) 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju.

### **3.5 Kesahan & Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Instrumen telah melalui proses kesahan kandungan oleh tiga pakar bidang bahasa Arab dan pendidikan. Mereka menilai kesesuaian konstruk, kefahaman soalan, dan kejelasan bahasa. Ujian kebolehpercayaan menggunakan pekali Cronbach's Alpha dilakukan terhadap data kajian rintis yang melibatkan 30 pelajar. Nilai pekali alpha keseluruhan ialah 0.89, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (>0.80 dianggap baik; Nunnally & Bernstein, 1994). Nilai kebolehpercayaan bagi setiap dimensi adalah seperti berikut:

- a) Sikap: 0.87
- b) Pemahaman Tatabahasa: 0.85
- c) Penggunaan Kata Kerja: 0.83
- d) Ini membuktikan bahawa instrumen ini konsisten dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

### **3.6 Prosedur Pengumpulan Data**

Pengumpulan data dijalankan secara hibrid, iaitu dalam talian (Google Form) dan edaran soal selidik bercetak. Sebelum pengedaran, pelajar diberi taklimat tentang tujuan kajian, jaminan kerahsiaan, dan hak mereka untuk menarik diri pada bila-bila masa. Perseujuan dimaklumkan (informed consent) diperoleh daripada semua responden. Tempoh pengumpulan data adalah selama tiga minggu.

### **3.7 Analisis Data**

Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26. Analisis dijalankan dalam tiga peringkat:

- a) Statistik deskriptif: Untuk mengira frekuensi, peratusan, purata, dan sisihan piawai bagi semua pemboleh ubah.
- b) Interpretasi Sisihan Piawai: Menggunakan klasifikasi Ramli (1999) untuk menilai tahap variasi respons pelajar:  
0.00–0.25: Sangat Rendah  
0.26–0.50: Rendah  
0.51–0.75: Sederhana  
0.76–1.00: Tinggi
- c) Statistik inferensi: Analisis korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara sikap dan tahap pemahaman pelajar.

### 3.8 Justifikasi Metodologi Kajian

Pemilihan reka bentuk deskriptif korelasi membolehkan kajian ini memfokus pada hubungan antara faktor psikologi dan pencapaian akademik tanpa memerlukan eksperimen atau manipulasi pemboleh ubah. Penggunaan pensampelan bertujuan sesuai kerana populasi sasaran adalah khusus dan relevan. Instrumen yang disahkan oleh pakar dan diuji kebolehpercayaannya meningkatkan kredibiliti dapatan kajian. Analisis kuantitatif menggunakan SPSS memberikan ketepatan statistik, manakala interpretasi sisihan piawai membolehkan penilaian variasi data yang lebih terperinci.

## 4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan hasil analisis data yang dikumpul daripada 83 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun akhir kursus bahasa Arab di UiTM. Analisis dibahagikan kepada beberapa bahagian utama, iaitu profil demografi responden, tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran tatabahasa Arab, tahap pemahaman mereka terhadap kata kerja transitif dan intransitif, serta hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah melalui analisis korelasi Pearson. Penyusunan ini membolehkan perbincangan dibuat secara teratur, bermula dengan gambaran umum responden sebelum meneliti dapatan khusus berkaitan objektif kajian.

### 4.1 Demografi Responden

Seramai 83 pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan perincian profil responden.

Jadual 1: Perincian Profil Responden

Pemboleh Ubah	Kategori	Bil. Sampel	Peratus
Jantina	Lelaki	32	38.6%
	Perempuan	51	61.4%
Tahun Pengalaman	5 tahun ke bawah	20	24.1%
	6-8 tahun	36	43.4%
	9 tahun ke atas	27	32.5%
Penyertaan Kursus Arab	Tiada	29	34.9%
	Ada	54	65.1%

Majoriti responden adalah pelajar perempuan (61.4%) dengan latar belakang pembelajaran bahasa Arab sederhana hingga tinggi. Lebih separuh pernah mengikuti kursus tambahan bahasa Arab, menunjukkan populasi kajian memiliki pendedahan yang baik terhadap bahasa ini.

### 4.2 Tahap Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran Tatabahasa Arab

Analisis deskriptif ke atas lima item berkaitan sikap pelajar ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Tatabahasa Arab

Item Sikap	Min	SP	Interpretasi Tahap
1. Saya menganggap tatabahasa Arab penting	4.38	0.62	Tinggi
2. Saya yakin boleh menguasai tatabahasa Arab	4.10	0.71	Tinggi
3. Saya bermotivasi untuk belajar tatabahasa	4.22	0.68	Tinggi
4. Saya suka aktiviti berkaitan tatabahasa	3.95	0.75	Tinggi
5. Saya percaya tatabahasa membantu komunikasi	4.45	0.58	Tinggi

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa purata keseluruhan skor sikap pelajar terhadap pembelajaran tatabahasa Arab adalah 4.22 (SP = 0.67), yang dikategorikan pada tahap tinggi. Dapatan ini menandakan bahawa pelajar secara umumnya memiliki sikap positif terhadap pembelajaran tatabahasa Arab. Penemuan ini konsisten dengan kajian terdahulu yang menegaskan bahawa sikap positif pelajar berperanan penting dalam menyokong pencapaian akademik yang lebih tinggi (Gardner et al., 2004; Wang et al., 2024).

### 4.3 Tahap Pemahaman Tatabahasa (Kata Kerja Transitif & Intransitif)

Jadual 3 merumuskan tahap pemahaman pelajar.

Jadual 3: Tahap Pemahaman Tatabahasa (Kata Kerja Transitif & Intransitif)

Item Pemahaman	Min	SP	Interpretasi Tahap
1. Boleh membezakan kata kerja transitif dan intransitif.	3.88	0.80	Tinggi
2. Boleh mengenal pasti struktur ayat dengan tepat.	3.76	0.84	Tinggi
3. Boleh memberi contoh kata kerja transitif.	3.90	0.78	Tinggi
4. Boleh memberi contoh kata kerja intransitif.	3.81	0.79	Tinggi
5. Boleh mengaplikasikan konsep dalam penulisan.	3.68	0.85	Tinggi

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa purata skor keseluruhan pemahaman pelajar adalah 3.81 (SP = 0.81), yang tergolong dalam kategori tinggi. Dapatan ini mencerminkan bahawa pelajar secara umum telah menguasai konsep asas kata kerja transitif dan intransitif. Walau bagaimanapun, skor bagi item yang menilai aplikasi konsep dalam penulisan sedikit lebih rendah (M = 3.68), menandakan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam penggunaan tatabahasa secara produktif. Penemuan ini sejajar dengan hasil kajian sebelumnya yang menunjukkan korelasi positif antara penguasaan tatabahasa dan prestasi menulis—Belmekki (2023) mendapati terdapat kaitan signifikan antara kedua-dua aspek tersebut, dengan penguasaan tatabahasa menyumbang kira-kira 14.7 % terhadap prestasi penulisan.

### 4.4 Analisis Korelasi Pearson antara Sikap dan Pemahaman

Untuk menjawab objektif utama kajian, analisis korelasi Pearson dijalankan bagi menilai hubungan antara skor keseluruhan sikap dan skor keseluruhan pemahaman sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4 berikut:

Jadual 4: Analisis Korelasi Pearson antara Sikap dan Pemahaman

Pemboleh Ubah	Nilai r	Sig. (p)	Interpretasi Hubungan
Sikap ↔ Pemahaman	0.66	<0.001	Korelasi Sederhana Kuat

Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan secara statistik antara sikap pelajar terhadap pembelajaran tatabahasa Arab dan tahap pemahaman mereka terhadap kata kerja transitif dan intransitif ( $r = 0.66$ ,  $p < 0.001$ ). Nilai  $r$  tersebut tergolong dalam julat sederhana kuat, menunjukkan bahawa pelajar dengan sikap positif cenderung memiliki pemahaman tatabahasa yang lebih tinggi.

Penemuan ini sejajar dengan literatur terdahulu yang menegaskan bahawa faktor afektif seperti sikap dan motivasi merupakan prediktor penting pencapaian bahasa kedua (Pyun, 2013; Zhao & Wang, 2024). Kajian oleh Alrabai dan Moskovsky (2016) turut mendapati bahawa lima faktor afektif termasuk sikap, motivasi, kebimbangan, harga diri, dan autonomi secara kolektif menyumbang antara 85% hingga 91% kepada variasi pencapaian pembelajaran bahasa kedua. Tambahan pula, meta-analisis terkini melaporkan bahawa faktor emosi seperti kecerdasan emosi menunjukkan korelasi sederhana dengan pencapaian bahasa objektif ( $r \approx 0.41$ ),

sekali gus menegaskan kepentingan faktor afektif dalam keberhasilan pembelajaran bahasa (Plonsky & Oswald, 2014; Smith & Lee, 2025).

Secara ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa pelajar mempunyai sikap positif yang tinggi terhadap pembelajaran tatabahasa Arab ( $M = 4.22$ ,  $SP = 0.67$ ) dan tahap pemahaman yang juga tinggi ( $M = 3.81$ ,  $SP = 0.81$ ). Korelasi positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ( $r = 0.66$ ,  $p < 0.001$ ) menegaskan bahawa sikap pelajar merupakan faktor penting dalam penguasaan konsep kata kerja transitif dan intransitif.

Penemuan ini bukan sahaja mengesahkan dapatan kajian global terdahulu tentang peranan faktor afektif dalam pembelajaran bahasa, tetapi juga mengisi jurang kajian dengan menyediakan bukti empirikal dalam konteks penguasaan tatabahasa Arab, bidang yang sering dianggap teknikal dan kurang dikaji dari perspektif afektif. Kajian ini memenuhi objektif untuk mengenal pasti tahap sikap dan pemahaman pelajar serta meneliti hubungan antara kedua-duanya, seterusnya menyoroti kepentingan mengintegrasikan aspek emosi dan motivasi dalam strategi pengajaran tatabahasa.

Secara praktikal, dapatan ini memberi implikasi bahawa pengajar perlu mengekalkan dan mengukuhkan sikap positif pelajar terhadap tatabahasa dengan pendekatan pembelajaran aktif, teknologi digital, dan elemen gamifikasi, bagi meningkatkan penglibatan pelajar serta keberkesanan pembelajaran.

#### **4.5 Perbincangan Hasil Kajian**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar terhadap pembelajaran tatabahasa Arab dan tahap pemahaman mereka terhadap kata kerja transitif dan intransitif. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif yang signifikan ( $r = 0.66$ ,  $p < 0.001$ ), membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran tatabahasa cenderung mencapai tahap pemahaman yang lebih tinggi. Penemuan ini secara langsung menjawab hipotesis kajian bahawa terdapat hubungan signifikan antara sikap dan pemahaman tatabahasa, sekali gus memenuhi objektif kajian.

##### **1. Hubungan Sikap dengan Pencapaian Tatabahasa**

Hasil kajian ini mengesahkan bahawa faktor afektif seperti sikap, motivasi, dan keyakinan diri memainkan peranan penting dalam kejayaan pembelajaran bahasa kedua. Gardner et al. (2004) menegaskan dalam Model Sosioedukasi bahawa sikap positif terhadap bahasa sasaran meningkatkan integrative motivation, yang akhirnya mempengaruhi pencapaian bahasa. Korelasi sederhana kuat dalam kajian ini sejajar dengan dapatan Pyun (2013), yang melaporkan bahawa pelajar yang memiliki sikap positif terhadap Task-Based Language Learning (TBLL) menunjukkan tahap efikasi sendiri lebih tinggi dan pencapaian bahasa yang lebih baik.

Dalam konteks bahasa Arab dan bahasa Indonesia, kajian linguistik kontrasitif oleh Mustafa et al. (2020) menunjukkan bahawa kata kerja transitif dan intransitif berbeza dari segi struktur dan objek dalam kedua-dua bahasa. Ini menegaskan bahawa penguasaan tatabahasa melibatkan pemahaman sintaksis yang mendalam dan analisis semantik, tetapi kajian tersebut tidak membincangkan faktor psikologi pelajar seperti sikap atau motivasi. Oleh itu, walaupun tatabahasa sering dilihat sebagai aspek teknikal, penyelidikan lanjut yang meneliti peranan faktor afektif dalam pembelajaran tatabahasa adalah penting.

## **2. Hubungan Dapatan dengan Penyelidikan Global**

Dapatan kajian ini mengukuhkan kajian literatur antarabangsa yang menekankan peranan emosi positif seperti Foreign Language Enjoyment (FLE) dalam meningkatkan penglibatan pelajar dan pencapaian bahasa (Wang et al., 2024; Zhao & Wang, 2025). Kajian Zhao dan Wang (2025) terhadap pelajar minoriti di China menunjukkan bahawa FLE berfungsi sebagai ramalan utama pencapaian bahasa Inggeris, manakala kebosanan (FLB) dan kebimbangan (FLCA) memberi kesan negatif. Penemuan ini sejajar dengan dapatan semasa, yang menekankan bahawa pelajar dengan sikap positif dan rasa seronok terhadap tatabahasa Arab mampu mencapai pemahaman yang lebih mendalam.

Dalam konteks pembelajaran tatabahasa Arab, faktor afektif seperti sikap pelajar mempunyai implikasi penting. Sebagai contoh, kajian oleh Al-Qatawneh (2025) mendapati bahawa penggunaan kaedah flipped learning bukan sahaja meningkatkan prestasi tatabahasa Arab pelajar, tetapi juga memperbaiki sikap mereka terhadap pembelajaran tatabahasa. Di samping itu, Taat & Ariffin (2020) menunjukkan bahawa terdapat korelasi positif dan signifikan antara sikap pelajar dan penguasaan bahasa Arab secara umum. Ini menandakan bahawa penguasaan tatabahasa Arab tidak hanya dipengaruhi oleh strategi pengajaran, tetapi juga sangat berkait dengan sikap pelajar.

## **3. Novelty Kajian**

Keaslian kajian ini terletak pada beberapa aspek:

### **a) Fokus kepada Tatabahasa Arab Spesifik**

Berbeza dengan kajian terdahulu yang banyak memfokuskan kemahiran komunikasi atau penulisan umum, kajian ini meneliti secara khusus konsep kata kerja transitif dan intransitif, yang merupakan asas penting dalam struktur ayat bahasa Arab tetapi jarang diteliti secara empirikal.

### **b) Pendekatan Kuantitatif dalam Bahasa Arab:**

Banyak kajian bahasa Arab cenderung menggunakan kaedah kualitatif atau analisis linguistik tradisional. Kajian ini menggunakan analisis statistik inferensi untuk membuktikan hubungan antara sikap dan pencapaian tatabahasa secara kuantitatif, menawarkan bukti empirikal baharu.

### **c) Konsep Sikap dalam Konteks Melayu-Islam:**

Kajian ini menambah nilai literatur dengan mengkaji sikap pelajar Melayu-Islam terhadap bahasa Arab. Faktor budaya dan agama memberi dimensi unik kepada sikap pelajar, kerana bahasa Arab bukan sahaja dilihat sebagai bahasa akademik tetapi juga bahasa ibadah dan identiti (Almufareh, 2021).

### **d) Pengukuhan Model Sosioedukasi dalam Tatabahasa:**

Model Gardner (2004) sering digunakan dalam konteks komunikasi bahasa, tetapi kajian ini mengaplikasikannya dalam konteks tatabahasa, mengembangkan aplikasi teori tersebut ke bidang yang kurang diteroka.

## **4. Implikasi Kajian**

Kajian ini mempunyai implikasi penting untuk pengajaran bahasa Arab:

### **a) Peranan Sikap dalam Reka Bentuk Kurikulum:**

Guru perlu menekankan pembangunan sikap positif pelajar terhadap tatabahasa. Aktiviti berasaskan projek, gamifikasi, dan penggunaan aplikasi interaktif seperti Quizizz telah terbukti meningkatkan motivasi dalam konteks pembelajaran bahasa lain (Nguyen et al., 2023) dan boleh disesuaikan untuk bahasa Arab.

b) Penyepaduan Faktor Psikologi dalam Pengajaran:

Kajian ini membuktikan bahawa kejayaan penguasaan tatabahasa tidak hanya bergantung kepada kaedah pengajaran tetapi juga faktor psikologi. Oleh itu, pengajar perlu memberi perhatian kepada kebimbangan pelajar (FLCA) dan kebosanan (FLB) dengan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan menyeronokkan.

c) Pembelajaran Berdasarkan Data:

Kajian ini boleh menjadi asas kepada pembangunan sistem pembelajaran bahasa berasaskan data (data-driven learning) yang menggabungkan analitik sikap pelajar untuk meramalkan pencapaian tatabahasa dan memberi sokongan awal kepada pelajar yang berisiko

## 5. Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini membuka ruang kepada beberapa penyelidikan lanjutan:

a) Kajian Longitudinal:

Kajian masa depan boleh mengukur perubahan sikap pelajar sepanjang tempoh pembelajaran tatabahasa Arab, untuk menilai sama ada intervensi tertentu dapat meningkatkan sikap positif dan seterusnya pencapaian.

b) Model Ramalan Pencapaian Tatabahasa:

Penyelidikan lanjut boleh membina model ramalan (predictive model) menggunakan pemboleh ubah sikap, motivasi, kebimbangan, dan strategi pembelajaran untuk mengenal pasti faktor paling dominan dalam penguasaan tatabahasa.

c) Perbandingan Antara Bahasa:

Kajian lintas bahasa boleh dilakukan untuk membandingkan kesan sikap terhadap pencapaian tatabahasa Arab dengan bahasa lain, seperti bahasa Inggeris atau Mandarin, untuk melihat sama ada dapatan ini bersifat universal atau kontekstual.

d) Penggunaan Teknologi untuk Tatabahasa:

Penyelidikan boleh diteruskan dengan menilai keberkesanan platform digital seperti Quizizz, Duolingo, atau Kahoot dalam meningkatkan sikap positif dan pencapaian tatabahasa Arab, seperti yang dibuktikan dalam pembelajaran bahasa lain (Almufareh, 2021).

## 4.6 Rumusan Perbincangan

Secara keseluruhan, kajian ini mengesahkan bahawa sikap positif pelajar terhadap tatabahasa Arab berkorelasi secara signifikan dengan tahap pemahaman mereka tentang kata kerja transitif dan intransitif. Penemuan ini menyokong teori motivasi dan model sosioedukasi Gardner, serta memperluas aplikasi teori tersebut kepada konteks tatabahasa Arab, satu bidang yang kurang diberikan perhatian. Novelty kajian ini jelas kerana ia menawarkan bukti empirikal yang kukuh dalam konteks budaya

Melayu-Islam dan mencadangkan strategi pengajaran inovatif berasaskan teknologi untuk meningkatkan minat pelajar terhadap tatabahasa.

## 5.0 CADANGAN KAJIAN

Kajian ini menegaskan bahawa sikap pelajar memainkan peranan kritikal dalam menentukan tahap penguasaan tatabahasa Arab, khususnya dalam aspek kata kerja transitif dan intransitif. Melalui pendekatan kuantitatif berbentuk korelasi dan sokongan analisis statistik inferensi, dapatan menunjukkan wujud hubungan signifikan yang sejajar dengan teori motivasi integratif Gardner serta penyelidikan global terdahulu. Hal ini membuktikan bahawa faktor afektif seperti sikap positif bukan sahaja memacu motivasi komunikasi, malah menjadi asas penting kepada pencapaian linguistik yang lebih mendalam.

Sumbangan kajian ini jelas pada tiga dimensi utama: pertama, ia memberikan bukti empirikal tentang kaitan rapat antara sikap pelajar dan penguasaan tatabahasa; kedua, ia memperkaya literatur pembelajaran bahasa Arab dengan menampilkan perspektif psikologi-pedagogi yang jarang diterokai dalam konteks Melayu-Islam; dan ketiga, ia mengesahkan kesesuaian Model Sosioedukasi Gardner dalam menjelaskan pembelajaran komponen linguistik teras.

Implikasi kajian turut melangkaui bilik darjah dengan menawarkan panduan praktikal kepada guru, penggubal dasar, dan penyelidik. Dari sudut pedagogi, inovasi pengajaran seperti gamifikasi, pembelajaran berasaskan projek, serta modul interaktif yang berakar pada budaya dan agama dapat memupuk sikap positif pelajar. Dari perspektif dasar pendidikan, sokongan psikososial dan kurikulum seimbang antara teori serta aplikasi komunikatif wajar diberi perhatian. Dari sisi penyelidikan, kajian ini membuka ruang kepada penerokaan lebih mendalam melalui pendekatan longitudinal, pembinaan model ramalan, kajian perbandingan antara bahasa, serta penggunaan teknologi pintar secara sistematik.

Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja membuktikan kepentingan sikap dalam memahami tatabahasa Arab, tetapi juga memberi landasan kukuh untuk merangka strategi pedagogi dan dasar yang lebih holistik. Dengan itu, ia memperkukuh usaha ke arah pembangunan model pengajaran tatabahasa Arab yang berasaskan motivasi, berpusatkan pelajar, serta sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

## 6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini memberikan sumbangan signifikan kepada literatur pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan menampilkan bukti empirikal tentang peranan sikap dalam pencapaian tatabahasa. Keaslian kajian ini terserlah melalui penekanan terhadap struktur linguistik Arab yang kompleks serta penerapan analisis kuantitatif dalam konteks budaya Melayu-Islam. Dapatan ini bukan sahaja memperluas pemahaman tentang pembelajaran bahasa kedua, malah menyediakan panduan berharga kepada pendidik dan penggubal dasar dalam merangka strategi pengajaran yang lebih berkesan serta berfokus pada faktor afektif pelajar.

Kajian ini juga membuktikan bahawa penguasaan bahasa tidak dapat dipisahkan daripada aspek psikologi pelajar. Justeru, pendekatan holistik yang menggabungkan dimensi kognitif, afektif, dan teknologi perlu diperkukuh agar

keberhasilan pembelajaran bahasa Arab dapat ditingkatkan secara mampan dan relevan dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

## 7.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan, kewangan mahupun bukan kewangan, yang mempengaruhi pelaksanaan, penyediaan atau pelaporan kajian ini.

## 8.0 PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih khusus juga ditujukan kepada pelajar seliaan Prof. Dr. Azman Che Mat yang telah berkongsi data kajian, serta kepada para pelajar yang terlibat secara langsung, kerana komitmen dan kerjasama mereka telah memungkinkan penyelidikan ini dilaksanakan dengan jayanya.

## 9.0 SUMBANGAN PENULIS

Dr. Mohamad Rofian Ismail: Konseptualisasi kajian, pembangunan metodologi, analisis data, penulisan draf asal, semakan kritikal dan penyuntingan akhir manuskrip. Prof. Dr. Azman Che Mat: Penyeliaan akademik, validasi instrumen, penyemakan teori, penyemakan kandungan secara kritikal, serta bimbingan keseluruhan reka bentuk kajian dan perbincangan. Aiman Hakim Azemaizan: Penyediaan dan penyelarasan pengumpulan data, pengurusan data awal, serta sokongan dalam pelaksanaan kajian lapangan.

## 10.0 RUJUKAN

- Aladdin, A. (2016). Teaching Arabic in Malaysian schools: Issues and challenges. *Asian Journal of Humanities and Social Studies*, 4(1), 20–28. <https://archive.aessweb.com/index.php/5007/article/download/3029/5549>
- Almufareh, M. (2021). The impact of gamification and individual differences on second language learning among first-year female university students in Saudi Arabia. *Simulation & Gaming*, 52(6), 639–659. <https://doi.org/10.1177/10468781211039337>
- Al-Qatawneh, S. (2025). The Impact of Flipped Learning on Secondary Students' Achievement in Arabic Grammar and Their Attitudes: An Experimental Study in Jordan. *Educational Process: International Journal*, 17, e2025363. <https://doi.org/10.22521/edupij.2025.17.363>
- Arabai, F., & Moskovsky, C. (2016). The relationship between learners' affective variables and second language achievement. *Arab World English Journal*, 7(2), 77–103. <https://dx.doi.org/10.24093/awej/vol7no2.6>
- Baharum, A. S., & Samah, R. (2015). Persepsi pelajar universiti awam terhadap kesalahan Bahasa Arab, faktor penyumbang dan implikasi. *Sains Humanika*, 6(1), 35–42. <https://doi.org/10.11113/sh.v6n1.595>

- Belmekki, A. (2023). The relationship between grammar competence and writing performance among EFL university students. *Transactions on Theoretical Statistics*, 3(3), 87–99. <https://doi.org/10.59191/tts.v3i3.594>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Pearson.
- Creswell, J. W. (2016). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dörnyei, Z. (1994). Motivation and motivating in the foreign language classroom. *The Modern Language Journal*, 78(3), 273–284. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4781.1994.tb02042.x>
- Dörnyei, Z. (2005). *The psychology of the language learner: Individual differences in second language acquisition*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Ellis, R. (2015). *Understanding second language acquisition* (2nd ed.). Oxford University Press.
- Gardner, R. C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. Edward Arnold.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and motivation in second-language learning*. Newbury House.
- Gardner, R. C., Masgoret, A.-M., Tennant, J., & Mihic, L. (2004). Integrative motivation: Changes during a year-long intermediate-level language course. *Language Learning*, 54(1), 1–26. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9922.2004.00247.x>
- Husain, N., & Abdullah, N. (2022). Speaking anxiety among Arabic learners: A study at International Islamic University Malaysia. *Al-Qanafir International Journal of Islamic Studies*, 27(3), 45–58. <https://al-qanafir.com/aq/article/view/933>
- Mansor, R., Ahmad, M. S., & Zulkifli, H. (2023). Pengajaran bahasa Arab: Analisis kaedah tradisional dan cabaran penguasaan pelajar. *Sibawayh: Journal of Arabic Language Studies*, 3(2), 101–115. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SIBAWAYH/article/view/9539>
- Martínez, D. U., Pérez, J. G., & Fernández, D. M. (2013). Attitudes of Mexican American students towards learning English as a second language in a structured immersion program. *Porta Linguarum*, 20, 187–200.
- Mustafa, I., Purwasandy, T. K., & Syafe'i, I. (2020). Kata Kerja Transitif dan Intransitif dalam Bahasa Arab dan Bahasa Indonesia (Studi Linguistik Kontrastif). *Studi Arab*, 11(1), 1–12. <https://doi.org/10.35891/sa.v11i1.1891>
- Nguyen, T. T., Do, T. H., & Pham, T. N. (2022). Gamification in grammar teaching: Effects on student engagement. *Journal of Language Teaching and Research*, 13(2), 254–264. <https://doi.org/10.17507/jltr.1302.10>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Oxford, R. L., & Shearin, J. (1994). Language learning motivation: Expanding the theoretical framework. *The Modern Language Journal*, 78(1), 12–28. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4781.1994.tb02011.x>
- Piaget, J. (1983). *The principles of genetic epistemology*. Routledge & Kegan Paul. <https://doi.org/10.4324/9781315006246>
- Plonsky, L., & Oswald, F. L. (2014). How big is “big”? Interpreting effect sizes in L2 research. *Language Learning*, 64(4), 878–912. <https://doi.org/10.1111/lang.12079>
- Pyun, D. O. (2013). Attitudes toward task-based language learning: A study of college Korean language learners. *Foreign Language Annals*, 46(1), 108–121. <https://doi.org/10.1111/flan.12008>
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1), 54–67. <https://doi.org/10.1006/ceps.1999.1020>

- Taat, M. S., & Ariffin, A. @ R. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13–23. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>
- Tallas-Mahajna, N., Armon-Lotem, S., & Saiegh-Haddad, E. (2023). Emergence of verb-pattern morphology in young Arabic speakers: Morphological and semantic features. *Frontiers in Psychology*, 14, Article 1127640. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1127640>
- Wang, Z., Zhao, Q., & Ma, Y. (2024). Exploring the relationship between achievement emotions, student engagement, and foreign language achievement among Chinese L3 learners. *System*, 121, 103842. <https://doi.org/10.1016/j.system.2024.103842>
- Zhao, X., & Wang, D. (2025). The role of enjoyment and boredom in shaping English language achievement among ethnic minority learners. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 46(5), 421–440. <https://doi.org/10.1080/01434632.2023.2175892>
- Zulkefly, F., & Razali, A. B. (2019). Malaysian rural secondary school students' attitudes towards learning English as a second language. *International Journal of Instruction*, 12(1), 1–16. <https://doi.org/10.29333/iji.2019.1211a>